

# METODOLOGI AL-SAKHAWI DALAM PENULISAN KITAB *AL-TUHFAT AL-LAȚIFAH FĪ TĀRĪKH AL-MADĪNAH AL-SYARĪFAH* (The Methodology of al-Sakhawi in *Al-Tuhfat Al-Laṭifah Fī Tārīkh Al-Madīnah Al-Syarīfah*)

Oleh:

Mohd Akmal bin Sidik\*  
Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim\*\*

## Abstrak

*Artikel ini ditulis bagi menjelaskan metode yang digunakan oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sakhawī (831 – 902 H / 1428 – 1496 M) dalam penulisan kitabnya al-Tuhfat Al-Laṭifah Fī Tārīkh Al-Madinah Al-Syarīfah. Metode penulisan yang akan dibincangkan dalam artikel ini melibatkan tujuan penulisan, kaedah penyusunan, sumber, penelitian riwayat dan pentarikhan yang digunakan oleh al-Sakhawi dalam kitab al-Tuhfat.*

**Kata kunci:** al-Sakhawi, al-Tuhfat Al-Laṭifah Fī Tārīkh Al-Madinah Al-Syarīfah, Sejarah Madinah, Metode Penulisan Sejarah, Mamluk.

## Abstract

*This article was written to explain the writing methodology that have been used by Muḥammad bin ‘Abd al-Rahman al-Sakhawī (831 – 902 H / 1428 – 1496 M) in his book, al-Tuhfat Al-Laṭifah Fī Tārīkh Al-Madinah Al-Syarīfah. This article will highlight several aspects of writing methodology such as the reason why al-Sakhawi wrote the book, how he arrange the contents of the book, what kind of sources he used, how he analyze the sources and the dating system that have been used.*

**Keywords:** al-Sakhawi, al-Tuhfat Al-Laṭifah Fī Tārīkh Al-Madinah Al-Syarīfah, History of Madinah, Methods of Historical Writing, Mamluk.

## Pendahuluan

Al-Sakhawi ialah *Abu al-Khair Syams al-Dīn Muḥammad bin Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Abū Bakr bin Uthmān bin Muḥammad al-Qāhirī al-Syāfi‘ī*,<sup>1</sup> dilahirkan di Kaherah pada Rabiul Awal 831 H / Disember 1428 M.<sup>2</sup> Beliau diberi jolokan sebagai al-Sakhawi kerana keluarga beliau berasal dari Sakha, sebuah

\* Mohd Akmal bin Sidik merupakan merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui emel: akmal.sidik@gmail.com

\*\* Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, PhD, merupakan bekas pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Annān, Muhammad Abdullah (1969), *Muarrikhū Miṣr al-Islāmiyyat wa Maṣādir al-Tārīkh Miṣr*, Kaherah: Muassasah Mukhtar Li al-Nasy Wa al-Tawzī, h. 132

<sup>2</sup> Al-Kattāni, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir (1982), *Fihras al-Fahāris wa al-Ithbāt wa Mu’jam al-Ma’ājim wa al-Mashīkhāt wa al-Musalsalāt*, c. 2, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, h. 989

perkampungan kecil kira-kira 17 kilometer di utara Kaherah. Walaupun begitu al-Sakhawi sendiri tidak pernah menjajakkan kaki ke perkampungan tersebut.

Al-Sakhawi merupakan seorang sejarawan yang hidup pada zaman Kesultanan Mamluk al-Jarākisah. Kesultanan ini diasaskan pada tahun 784 H / 1382 M oleh al-Amir Barquq setelah beliau merampas kuasa dan menamatkan pemerintahan Al-Mudhaffar/al-Manṣūr Ṣalāḥ al-Dīn Ḥajji II, sultan terakhir Kesultanan Mamluk Turki.<sup>3</sup> Pemerintahan Kesultanan Mamluk al-Jarākisah bertahan selama 139 tahun bermula dari tahun 784 H / 1382 M sehingga tahun 923 H / 1517 M. Seramai 23 orang sultan telah memerintah kesultanan ini bermula dengan Sultan al-Dhāhir Saif al-Dīn Barqūq dan berakhir dengan Sultan al-Asyrāf Abū al-Naṣr Ṭūmān Bai.

Al-Sakhawi merupakan seorang penulis prolifik yang menghasilkan sekurang-kurangnya 270 buah karya<sup>4</sup> dalam pelbagai bidang merangkumi bidang hadith, feqh, syarah atau takhrij hadith, biodata, sirah, sejarah, bahasa dan sastera. Beliau telah memulakan aktiviti menulis seawal-tahun 850 H / 1446 M lagi iaitu ketika beliau berusia hampir 19 tahun.<sup>5</sup> Dan ini telah membantu beliau dalam menghasilkan banyak karya ilmiah di sepanjang hayatnya. Sebahagian dari karyanya ini adalah merupakan karya-karya sejarah. Karya-karya sejarah yang dihasilkan oleh al-Sakhawi boleh dibahagikan kepada 4 jenis seperti berikut;

#### A. Riwayat hidup para ulama

Al-Sakhawi menghasilkan banyak kitab berkaitan riwayat hidup para ulama, kitab riwayat hidup para kadi dan autobiografi al-Sakhawi. Antara contoh kitab riwayat hidup ulama dan para kadi di Mesir dan Haramain adalah *al-Daw' al-Lāmi' li Ahl al-Qarn al-Tāsi'*, *Al-Zayl 'ala Raf'i al-Isr* dan *al-Tuhfat al-Laṭīfah fī Tārīkh al-Madīnat al-Syarīfah*.

<sup>3</sup> Kesultanan Mamlūk Turki didirikan pada tahun 648 H / 1250 M dengan pemerintah pertama mereka Umm Khalil Syajar al-Dar. Kesultanan ini telah bertahan selama 136 tahun dan berakhir pada tahun 784 H. Antara pencapaian kesultanan ini yang terbesar ialah menyekat kemaraan tentera Mongol dalam Peperangan ‘Ayn Jalut, mengusir saki baki tentera Salib dari wilayah Islam dan menghidupkan kembali khilafah Abbasiyah di Mesir. Sila lihat Wan Kamal Mujani (2010), “Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder” *International Journal of West Asian Studies*, v2 (2).

<sup>4</sup> Masyhūr bin Ḥasan & Aḥmad al-Syuqayrat (1998), *Mu'allafāt al-Sakhawi*, Beirut: Dar Ibn Hazm, h.160.

<sup>5</sup> Badrun bin Muhammad (2000), *al-Hāfiẓ al-Sakhawi wa Juhūduhu fi al-Hadīth wa Ulūmihī*, j.1, Riyadh, Maktabah al-Rusyd, h. 159, 161. Akan tetapi terdapat pengkaji lain iaitu ’Annan, telah memberikan tarikh 870 H sebagai tahun bermulanya al-Sakhawi rh berkarya. Rujuk ’Annan, Muhammad Abdullah (1969), *op.cit.*, h. 133. Badrun telah menunjukannya sebagai satu kesilapan dalam memahami metodologi penulisan al-Sakhawi.

## B. Riwayat hidup individu

Riwayat hidup individu yang ditulis oleh al-Sakhawi terbahagi kepada dua iaitu riwayat hidup ulama tertentu dan autobiografi al-Sakhawi sendiri. Kitab-kitab terjemah individu yang ditulis al-Sakhawi adalah seperti kitab *al-Jawāhir wa al-Durar fī Tarjamat Syeikh al-Islām Ibn Ḥajar*, *al-Iḥtimām bi Tarjamah al-Kamāl ibn al-Himām* dan selainnya. Manakala kitab autobiografi al-Sakhawi adalah kitab *Irsyād al-Ghāwi bal Is’ād al-Ṭālib wa al-Rāwi li al-Īlām bi Tarjamat al-Sakhāwī*.

## C. Sejarah Dunia Islam

Kitab al-Sakhawi dalam bahagian ini ialah kitab *Wajīz al-Kalām fī al-Zayl ‘ala Duwal al-Islām*. Kandungan kitab ini menjelaskan sejarah dunia Islam pada abad ke 9 H seperti Mesir, Haramayn, Iraq, benua Asia Kecil, Syam dan Timur Afrika.

## D. Historiografi

Al-Sakhawi turut menulis sebuah kitab yang membincangkan ilmu sejarah dari sudut definisi sejarah, faedah, tujuan, hukum, syarat-syarat sejararawan dan senarai nama sejararawan serta kitab-kitab sejarah. Kitab beliau ini berjudul *al-I’lān bi al-Tawbīkh lī Man Zamma al-Tārīkh*.

Penulisan-penulisan tentang biografi al-Sakhawi sebahagian besarnya adalah senada. Ini kerana sumber utama penulisan biografi adalah karya al-Sakhawi al-Sakhawi sendiri iaitu *Irsyād al-Ghāwi bal Is’ād al-Ṭālib wa al-Rāwi li al-Īlām bi Tarjamat al-Sakhāwī* dan *al-Daw’ al-Lāmi’ li Ahl al-Qarn al-Tāsi’*, *Al-Zayl ‘ala Raf’i al-Isr*. Kedua buah kitab ini mencatatkan hampir keseluruhan maklumat mengenai perjalanan hidup al-Sakhawi.

Al-Sakhawi meninggal dunia pada hari Ahad, 28 Sya’ban, 902 Hijrah bersamaan 1 Mei 1496 Masihi pada waktu Asar ketika berumur 71 tahun. Jenazah beliau disembahyangkan di *Rauḍah al-Syarīf* selepas solat Subuh keesokan harinya dan dikebumikan di Perkuburan Baqi’ al-Gharqad, Madinah al-Munawwarah, di belakang *masyhad* Imam Mālik rh dan di sebelah kubur al-Syihāb al-Absyīṭ.<sup>6</sup>

## Pengenalan Kitab

Kitab *Al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madīnah Al-Syarīfah* merupakan sebuah kitab yang ditulis mengenai biografi penduduk Madinah dan tokoh-tokoh terpilih yang pernah menerima dan menabur bakti di Madinah al-Syarifah bermula dari

---

<sup>6</sup> Ghizzi, Najmuddin Muhammad bin Muhammad (1979), *Al-Kawākib al-Sā’irat bi A’yān al-Mi’at al-Āsyirah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 59. Masyhūr bin Ḥasan & Ahmad al-Syuqayrat (1998), *op.cit.*, h. 23

zaman Rasulullah saw sehingga zaman al-Sakhawi. Tokoh-tokoh yang ditulis biografi mereka dalam kitab ini adalah terdiri dari para sahabat, para tabiin, para imam, para perawi hadith, para khatib, para kadi, khadam Masjid Nabawi dan sebagainya.<sup>7</sup> Kewujudan kitab ini turut disebut oleh al-Sakhawi dalam karyanya yang lain seperti *al-Daw' al-Lami*<sup>8</sup>, *al-I'lān bi al-Tawbīkh*<sup>9</sup>, *Irsyād al-Ghāwi* dan *Tabaqāt al-Hanafiah*.<sup>10</sup> Kitab ini juga merupakan antara kitab terakhir yang dihasilkan oleh al-Sakhawi berdasarkan petunjuk dari catatan al-Sakhawi.

..نَزَّلَهَا فِي سَنَةِ اثْنَتِينَ وَتِسْعَمَائَةٍ (beliau mengunjunginya pada tahun 902).<sup>11</sup> Manakala al-Sakhawi meninggal dunia pada bulan Sya'ban pada tahun yang sama.

### 1. Sejarah Kitab *Al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madīnah Al-Syarīfah*

Terdapat beberapa manuskrip yang wujud bagi kitab *al-Tuhfat*. Manuskrip pertama dan kedua bagi kitab ini disimpan di Perpustakaan Istana Topkapi, Sultanahmet, Turki. Manuskrip pertama bernombor 527 M 6481 yang ditulis pada tahun 952 H dengan 851 helaian. Manuskrip pertama ini mengandungi biografi yang bermula dari Ibrāhīm sehingga Muḥammad bin Mubārak. Manuskrip kedua yang ditulis pada tahun 904 H bernombor 512 M 6482 dengan 407 helaian. Manuskrip kedua ini mengandungi biodata bermula dari Muḥammad bin Muḥammad sehingga ke akhir kita.<sup>12</sup> Manuskrip ketiga pula disimpan di Perpustakaan al-Mahmūdiyyah, Madinah al-Munawwarah bernombor 424 ق yang ditulis pada tahun 952 H.<sup>13</sup> Naskhah ini mengandungi tambahan teks dari penulis manuskrip.<sup>14</sup>

Pengkaji turut menerima salinan *softcopy* yang mengandungi imbasan (*scan*) bagi kitab ini dari Perpustakaan Iskandariah, Mesir pada tahun 2010. Walaupun begitu, pihak perpustakaan tidak memberi maklumat penyimpanan bagi salinan ini dan ia tidak diberi nombor. Imbasan yang dilakukan juga tidak teliti hingga menyebabkan ia sukar untuk dibaca. Ini kerana, imbasan dibuat secara dua halaman sekali gus dan terdapat bahagian-bahagian yang tidak diimbas dengan sempurna.

<sup>7</sup> Al-Sakhawi (1993), *al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madīnat Asy-Syarīfah*, j.1, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, h. 6.

<sup>8</sup> Al-Sakhawi (1990), *op.cit.*, j.8, h. 17

<sup>9</sup> Al-Sakhawi (1995), *al-I'lān bi al-Tawbīkh li Man Zamma al-Tārīkh*, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, h. 262.

<sup>10</sup> Badrun (2000), *op.cit.*, h. 259 – 260.

<sup>11</sup> Al-Sakhawi (1993), *op.cit.*, j.1, h. 36.

<sup>12</sup> Syakir Mustafa (1990), *al-Tārīkh al-'Arabi wa al-Mu'arrikhūn*, j.3, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, h. 179-180.

<sup>13</sup> Badrun bin Muhammad (2000), *op.cit.*, j.1, h. 260.

<sup>14</sup> Masyhur bin Hasan dan Ahmad Syuqayrat (1998), *Mu'allafāt al-Sakhawi*, Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 66 – 67

Kitab *al-Tuhfat* telah diterbitkan beberapa kali. Terbitan pertama ialah terbitan Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, Kaherah pada tahun 1376 H / 1957 M. Terbitan ini telah diedit oleh Muhammad Hamid al-Faqqi, berdasarkan manuskrip tersimpan di Perpustakaan al-Mahmudiyyah, Madinah. Terbitan kedua ialah terbitan pada tahun 1979 M hasil usaha As'ad Tarabuzuni (طرابزونی) al-Husaini.

Terbitan ketiga pula ialah terbitan Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut pada tahun 1414 H / 1993 M.<sup>15</sup> Manakala terbitan terbaru ialah terbitan Dar Kan'an, Damsyik pada tahun 2010 M. Ketiga-tiga terbitan ini disalin dari terbitan yang pertama.

## 2. Kandungan Kitab

Kitab ini terbahagi kepada mukadimah dan biografi tokoh tanpa penutup. Dalam bahagian mukadimah, al-Sakhawi membincangkan kelebihan Madinah dan penduduknya, tujuan penulisan kitab *al-Tuhfat*, sorotan tokoh-tokoh yang pernah menulis mengenai Madinah dan kandungan kitab *al-Tuhfat*. Seterusnya al-Sakhawi telah menulis ringkasan sirah Nabi saw, hal ehwal Masjid Nabawi,<sup>16</sup> senarai masjid di mana Rasulullah saw pernah menunaikan solat di dalamnya<sup>17</sup> dan sorotan ringkas pemerintahan di Madinah bermula dari Rasulullah saw sehingga pemerintahan Fāris bin Syāman bin Zuhair.<sup>18</sup>

Pada bahagian biografi tokoh pula melibatkan biografi penduduk-penduduk Madinah dan tokoh-tokoh terpilih yang pernah menerima dan menabur bakti di Madinah al-Syarifah bermula dari zaman Rasulullah saw sehingga zaman al-Sakhawi. Tokoh-tokoh yang ditulis biografi mereka dalam kitab ini terdiri dari para sahabat, para tabiin, para imam, para khatib, para kadi, khadam Masjid Nabawi dan sebagainya.<sup>19</sup>

Maklumat peribadi yang dimuatkan dalam biografi tokoh adalah bergantung kepada dua faktor berikut;

- i. Hubungan al-Sakhawi dengan tokoh. Tokoh-tokoh yang mempunyai hubungan secara langsung dengan al-Sakhawi seperti hubungan guru –

---

<sup>15</sup> Badrun, (2000), *op.cit.*, j.1, h. 260.

<sup>16</sup> Meliputi perkara-perkara seperti sejarah pembinaan, Raudhah, pintu, tingkap, menara, muazzin, mihrab, khadam, telaga dan selainnya.

<sup>17</sup> 51 buah masjid kesemuanya. Nama masjid-masjid ini diambil dari semua riwayat sekalipun riwayat diaif.

<sup>18</sup> Al-Sakhawi menyebut bahawa pemerintah baru Madinah ini tiba di Madinah pada bulan Rejab tahun 901 H dan catatan beliau berakhir di situ. Faris memerintah Madinah dari tahun 901 – 903 H. Al-Sakhawi (1993), *op.cit.*, j.1, h. 58.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 6.

- murid, murid – guru atau sesama murid akan mempengaruhi perincian peribadi tokoh tersebut. Sebagai contoh, biografi para muazzin yang dimuatkan ke dalam *al-Tuhfat* ditulis secara ringkas melainkan ‘Abd al-Ghani bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ghani al-Kannāni al-‘Asqalāni. Beliau merupakan murid kepada al-Sakhawi.<sup>20</sup>
- ii. Martabat tokoh dalam masyarakat. Seorang sejarawan terkenal mempunyai perincian yang lebih baik berbanding seorang khadam masjid atau muazzin. Perbandingan ini boleh dibuat di antara Ibrahim bin Muhammad al-Jannabi,<sup>21</sup> seorang ketua muazzin dengan Alī bin ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Alī atau yang dikenali sebagai al-Syarif al-Samhūdi.<sup>22</sup> Beliau merupakan seorang sejarawan terkenal dan sezaman dengan al-Sakhawi.

*Al-Tuhfat* juga merupakan sebuah karya yang tidak sempat disempurnakan oleh al-Sakhawi. Beberapa bukti yang menunjukkan sedemikian ialah seperti berikut;

- i. Biografi tokoh dari huruf nun (ن) sehingga ya (ي) tidak dimasukkan ke dalam *Al-Tuhfat*. Sebagai contoh, al-Sakhawi menunda huriahan biografi Addi bin Habah bin Jamāz bin Manṣūr al-Ḥusaini al-Hamīsyi<sup>23</sup> dengan berkata; “يأتى في الواو ، وهو في الدرر” (akan datang pada bahagian waw, biografinya terdapat dalam *al-Durar*)”.
- ii. Bahagian kuniyah. Beberapa contoh kenyataan al-Sakhawi di dalam *al-Tuhfat* yang menunjukkan bahawa beliau berazam untuk menulis bahagian kuniyah seperti yang terdapat pada biodata Ibrahim – Abu Rāfi’ – mawla Rasulullah saw<sup>24</sup>. al-Sakhawi menyebut; “يأتى في شهر ، يأتى في الكنى”. Begitu juga pada biografi Tamim bin Abdu Amru<sup>25</sup> dan al-Harith bin Auf.<sup>26</sup>
- iii. Bahagian nasab seperti Aḥmad al-Balbīsi al-Atār. Al-Sakhawi menyebut; “يأتى في الأنساب”.<sup>27</sup>
- iv. Terdapat tokoh-tokoh yang tiada penjelasan tentangnya selain dari nama seperti tokoh bernama Jarhad bin Khuwailid.<sup>28</sup>

<sup>20</sup> *Ibid.*, j.2, h. 192.

<sup>21</sup> *Ibid.*, j.1, h. 89.

<sup>22</sup> *Ibid.*, j.2, h. 280-285.

<sup>23</sup> Al-Sakhawi (1993) *op.cit.*, j.1, h. 165.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 93.

<sup>25</sup> Al-Sakhawi menyebut: أبى حسن من الكنى . وسیاتی فی أبی حسن من الکنى. Lihat *Ibid.*, h. 225.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 258.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 163.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 236.

## **Metodologi Al- Sakhawi Dalam Penulisan Kitab *Al-Tuhfat Al-Latīfah Fī Tarikh Al-Madīnat Al-Syarīfah***

### a. Tujuan Penulisan Kitab

Al-Sakhawi telah menyatakan tujuannya menulis kitab *al-Tuhfat* sebagai mengisi lompong yang ditinggalkan oleh para penulis sejarah Madinah al-Munawwarah. Al-Sakhawi menyatakan bahawa tiada sebuah penulisan yang benar-benar bagus mengenai tokoh-tokoh Madinah. Al-Sakhawi berkata;

وكان ما حداي على هذا الجمع الذى تقربه العين ويصنفه إليه صحيح  
السمع، أنني لم أجده فيه مصنفا يشفى العليل ، وينفي الجهل باتضاح  
المقال و التعليل ، مع مسيس الحاجة إليه ، والتتفيس به عن المكروب ،  
حيث لم يجد في ذلك ما يعتمد عليه .

Maksudnya: *Dan apa yang mendorong pengumpulan ini, yang mendekatkan penglihatan dan pendengaran yang tepat tentangnya. Sesungguhnya aku tidak mendapatkan tentangnya catatan yang menyembuhkan penyakit, menafikan kekaburuan dengan penjelasan dari segi artikel dan faktor, serta keperluan kepadanya, dan berlepas daripada kesusahan. Di mana tiada yang muktamad padanya.*<sup>29</sup>

### b. Kaedah Penyusunan Kitab

Kitab *al-Tuhfat* ini disusun mengikut huruf mu'jam bermula dari huruf alif (ا) sehingga huruf mim (م). Ini merupakan kaedah *abjadiyyah* yang biasa digunakan oleh para penulis biografi pada zaman Mamluk. Tokoh pertama yang di terjemah ialah Abu al-Laḥm al-Ghiffārī<sup>30</sup> dan yang terakhir ialah Muhammad bin Mubārak al-Qaṣṭanṭīni.<sup>31</sup>

### c. Sumber Penulisan Kitab

Al-Sakhawi menggunakan sekurang-kurangnya 74 buah rujukan<sup>32</sup> dalam menulis kitab *al-Tuhfat*. Akan tetapi, rujukan yang paling kerap digunakan adalah *al-İşābah fī Tamyīz al-Şahābah, Tahzīb al-Tahzīb, Lisān al-Mīzān, al-Durar al-*

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 5

<sup>30</sup> Beliau merupakan seorang sahabat ra. Lihat *al-Tuhfat*, j.1, h. 59.

<sup>31</sup> *Ibid.*, j.2, h. 572.

<sup>32</sup> Badrun (2000), *op.cit.*, h. 260.

*Kāminah fī A'yan al-Miat al-Thāminah, Inbā' al-Ghumar bi Anbā' al-Umar* oleh Ibn Ḥajar al-Asqalāni, *Kitab al-Thiqāt* oleh Ibn Ḥibbān, *Tārīkh Makkah* oleh al-Fāsi dan *Naṣīḥat al-Musyāwir wa Ta'zīyyat al-Mujāwir* oleh Ibn Farḥūn.

Sumber-sumber yang digunakan ini pula adalah berbeza mengikut zaman tokoh yang diterjemahkan al-Sakhawi itu hidup. Zaman ini dibahagikan kepada zaman sebelum al-Sakhawi dan zaman al-Sakhawi seperti di bawah;

i. Tokoh Zaman Sebelum al-Sakhawi.

Sumber utama yang digunakan al-Sakhawi bagi menulis biografi tokoh-tokoh zaman sebelumnya adalah kitab-kitab sejarah yang ditulis oleh para sejarawan. Sebagai contoh, dalam menulis biografi para sahabat, al-Sakhawi menggunakan kitab *al-Isābah fī Tamyīz al-Šahābah* dan *Tahzīb al-Tahzīb* yang ditulis oleh gurunya, Ibn Hajar al-Asqalani.

Hal yang sama turut dilakukan oleh al-Sakhawi dalam menulis biografi tokoh-tokoh sebelum zamannya. Antara contoh penggunaan sumber-sumber bertulis adalah seperti kata-kata al-Sakhawi berikut; ورأيت الفاسى في ذيل النباء قال ... ذكره ابن حبان في الثقات<sup>33</sup>.

Antara perkataan-perkataan lain yang digunakan oleh al-Sakhawi bagi menunjukkan penggunaan rujukan kitab ialah ... قاله ... ، وهو في ... ، ذكره في ... ، من رجال ...<sup>34</sup><sup>35</sup><sup>36</sup><sup>37</sup><sup>38</sup><sup>39</sup>

Selain dari kitab para sejarawan, al-Sakhawi ada menggunakan batu nisan sebagai sumbernya seperti dalam biografi Ahmad bin Abdul Rahman bin Ali bin al-Husain bin al-Izz al-Syaibani al-Tabari<sup>40</sup> dan Aqbās al-Naṣīri al-Abbāsi.<sup>41</sup>

<sup>33</sup> Al-Sakhawi (1993) *op.cit.*, j.1, h. 146

<sup>34</sup> *Ibid.*, j.2, h. 226

<sup>35</sup> *Ibid.*, j.1, h. 301

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 76, 77, 84.

<sup>37</sup> *Ibid.*, j.2, h. 253.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 271.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 179, 229

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 110.

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 193.

## ii. Tokoh Sezaman al-Sakhawi

Manakala bagi tokoh sezaman, al-Sakhawi bergantung kepada interaksi beliau dengan tokoh tersebut. Interaksi tersebut boleh dibuktikan berdasarkan kenyataan-kenyataan al-Sakhawi ketika menterjemahkan tokoh-tokoh tersebut seperti perjumpaan dalam kuliah,<sup>42</sup> memberi ijazah<sup>43</sup>, menuntut ilmu<sup>44</sup> dan sebagainya. Antara contoh penyataan mengenai kewujudan interaksi tersebut ialah seperti contoh di bawah;

- **وَكُنْتَ مِنْ سَمِعِ خَطَابِهِ وَصَلَّى خَلْفَهِ -** ketika meriwayatkan biografi Ibrāhīm bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān.<sup>45</sup>
- **وَكَذَا حَضَرَ عِنْدِي وَأَرَانِي بِلِقَاءً عَلَيْ -** ketika meriwayatkan biografi Ibrāhīm bin Aḥmad bin Muḥammad al-Miṣri al-Madani al-Syāfi‘i.<sup>46</sup>
- **أَخْبَرْنِي شِيخِي ... -** ketika menterjemahkan ‘Abd Allāh bin As’ad bin Alī bin Sulaimān.<sup>47</sup>

## d. Penelitian Riwayat

Pada biografi Ibrāhīm bin Alī bin Muḥammad bin al-Qāsim bin Muḥammad bin Farhūn, al-Sakhawi memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh gurunya, Ibn Hajar al-Asqalani dalam *al-Durarnya*<sup>48</sup> mengenai nama Ibn Farhūn. Al-Sakhawi berkata;

هكذا ، قرأت نسبيه بخطه ، وفي درر شيخنا : زيادة (محمد) ثان — قبل أبي القاسم ، وهو غلط ، ولم يكرر (محمد بن فرحون) فعل صاحب الترجمة <sup>49</sup> علمه .

Maksudnya: *Demikian aku membaca nasabnya dengan tulisannya. Dalam Durar syeikh kami [Ibn Hajar al-Asqalani]: ditambah (Muhammad) kedua – sebelum Abi al-Qasim, ini satu kesilapan. Muhammad bin Farhun tidak mengulanginya. Maka diharapkan penterjemah mengetahuinya.*

<sup>42</sup> Abū al-Riḍā Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Madani. Lihat *Ibid.*, h. 154.

<sup>43</sup> Ibn al-Rays Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad. Lihat *Ibid.*, h. 134.

<sup>44</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Buskari. Lihat *Ibid.*, h. 135.

<sup>45</sup> *Ibid.*, j.1, h. 86.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 65.

<sup>47</sup> *Ibid.*, j.2, h. 20.

<sup>48</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali (1966), *op.cit.*, h. 48.

<sup>49</sup> Al-Sakhawi (1993), *op.cit.*, h. 81.

Dalam hal ini, al-Sakhawi telah mendahulukan naskhah tulisan tangan tokoh berbanding terjemahan yang dilakukan oleh Ibn Hajar al-Asqalani.

Sekiranya al-Sakhawi tidak pasti tentang sesuatu seperti terdapat banyak riwayat tentang tarikh kematian seseorang, al-Sakhawi akan memasukkan semua tahun dalam riwayat-riwayat tersebut. Sebagai contoh dalam biografi ‘Urwah bin al-Zubair bin al-‘Awwam<sup>50</sup> yang diletakkan tahun 93 / 94 / 95 / 99 atau 100 H. Kemudian beliau meletakkan sumbernya sebagai *al-Tahzib* dan selainnya. Sekiranya pembaca inginkan kepastian, al-Sakhawi telah menyarankan kitab gurunya tersebut sebagai rujukan. Ini juga bermaksud al-Sakhawi memilih pendapat gurunya sebagai yang paling tepat.

#### e. Pentarikhan

Pentarikhan yang digunakan oleh al-Sakhawi melibatkan unit masa tahun, bulan, haribulan, hari dan masa tertentu dalam hari. Berdasarkan 5 unit masa ini, al-Sakhawi tidak seragam dalam menggunakannya. Sebahagiannya mempunyai kesemua 5 unit masa, ada yang kurang dari 5 dan ada yang hanya menggunakan satu unit masa.

Penggunaan 5 unit masa sekaligus boleh dilihat dalam biografi Ibrāhīm bin Aḥmad bin ‘Abd al-Kāfi al-Ṭabāṭabāī di mana al-Sakhawi menyebutkan bahawa masa kematianya adalah pada waktu maghrib malam Jumaat, 3 Muḥarram 863 H [9 November 1458 M].<sup>51</sup> Contoh kedua ialah al-Sakhawi menyebutkan waktu kematian Abu al-Riḍā Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Madani iaitu pada awal pagi Selasa, 17 Safar 854 H [31 Mac 1450 M].<sup>52</sup> Contoh yang lain ialah masa kematian Aḥmad bin ‘Ubaid Allāh bin Muḥammad al-Qāhiri yang disebutkan al-Sakhawi iaitu pada lewat petang Rabu, 8 Rejab 885 H [12 September 1480 M].<sup>53</sup> Dari biografi ketiga orang tokoh ini, persamaan yang dapat kita lihat ialah al-Sakhawi mengenali kedua-dua tokoh ini secara peribadi. Ini terbukti dari kata-kata beliau seperti “Dia berjumpa aku di Mekah” dalam biografi al-Ṭabāṭabāī, berjumpa dengan Abu al-Riḍā dalam majlis Ibn Hajar al-Asqalani dan Aḥmad bin ‘Ubaid Allāh pula pernah menuntut ilmu dari al-Sakhawi. Ciri-ciri yang sama boleh dijumpai pada biografi Ibn Alībah Ḥasan bin Ibrāhīm bin Ḥasan<sup>54</sup>, al-Ḥusain al-Aṣghār bin Atīyyah bin Muḥammad<sup>55</sup> dan ‘Abd Allāh bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al-Syairāzī.<sup>56</sup>

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, j.2, h. 258 – 259.

<sup>51</sup> *Ibid.*, j.1, h. 61.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 154.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 119.

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 217. Meninggal pada waktu Zuhur Khamis, 2 Jamadil Awal 889 H / 27 Mei 1484 M.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 293. Dilahirkan pada tengah malam Isnin, 10 Sya’ban 850 H / 30 Oktober 1446 M.

<sup>56</sup> *Ibid.*, j.2, h. 20 – 21. Meninggal pada waktu Asar hari Selasa, 15 Syawal tahun 853 H / 30 November 1449.

Selain dari mengenali tokoh secara peribadi, terdapat biografi tokoh tidak sezaman yang telah diambil oleh al-Sakhawi dari kitab sejarawan. Sebagai contoh ialah biografi Abu Ja'far al-Tabari Aḥmad bin Abī Bakr bin Muḥammad<sup>57</sup> yang diambil dari al-Fāsi. Contoh yang lain ialah biografi 'Abd al-Rahmān bin al-Ḥusain al-Kurdi al-Rāzānābī yang meninggal pada malam Rabu, Sya'ban 806 H [Mac 1404 M].<sup>58</sup>

Bagaimana pula ciri biodata yang hanya menggunakan unit tahun? Contohnya boleh didapati dari biografi 'Āmir bin Rabī'ah bin Ka'ab bin Mālik bin Rabī'ah bin 'Āmir, salah seorang sahabat Rasulullah saw. Diriwayatkan bahawa beliau meninggal pada tahun 32 H. al-Sakhawi mengambil biografi ini dari kitab gurunya *al-Tahzīb* dan *al-Isābah*.<sup>59</sup> Contoh lain ialah biografi 'Āmir bin 'Abd Allāh bin al-Zubair bin al-Awwām, seorang tabiin yang meninggal pada tahun 121 H. Kaedah penulisan sejarah pada abad pertama dan kedua hijrah tidak memberi perincian kepada unit masa, hanya sekadar mencatatkan tahun sahaja.

Terdapat juga tokoh yang hampir dengan zaman al-Sakhawi yang dinyatakan tahun kematian hanya dengan unit tahun seperti 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Abd al-Wahāb bin 'Alī al-Jamāl yang meninggal pada tahun 802 H.<sup>60</sup> Tiada petunjuk yang menjelaskan mengapa al-Sakhawi hanya memasukkan unit tahun sahaja. Pengkaji menemui biodata 'Abd Allāh al-Jamāl dalam karya al-Sakhawi yang lain iaitu *al-Daw' al-Lami'*, tetapi hasil yang sama dijumpai iaitu biodata Abd Allāh al-Jamāl dinyatakan secara<sup>61</sup> ringkas dan tahun kematian disebut dengan unit tahun sahaja. Pengkaji berpandangan bahawa ia disebabkan al-Sakhawi kurang mengenali 'Abd Allāh berikutnya mereka bukan sezaman dan kurangnya maklumat tentang 'Abd Allāh al-Jamāl.

Berdasarkanuraian di atas, kita dapat memahami bahawa penggunaan unit masa di dalam kitab *al-Tuhfat* adalah bergantung kepada dua faktor iaitu;

- i. Zaman seseorang tokoh itu hidup. Ini kerana metodologi penulisan sejarah pada sesuatu zaman adalah berbeza. Sejarawan pada zaman Mamluk menggunakan unit-unit masa tambahan dalam karya mereka manakala sejarawan zaman awal Islam hanya mencatatkan unit tahun sahaja. Oleh sebab itu, biografi tokoh zaman Mamluk sama ada zaman sebelumnya atau sezaman dengan al-Sakhawi, unit masa yang digunakan

<sup>57</sup> *Ibid.*, j.1, h. 104 – 105. Dilahirkan pada waktu Zuhur Khamis, 20 Jamadil Akhir 573 H / 26 Ogos 1177 M.

<sup>58</sup> *Ibid.*, j.2, h. 167. al-Rāzānābī merupakan guru kepada guru al-Sakhawi iaitu Ibn Hajar. Oleh itu, selain dari tarikh kematiannya yang lengkap, biografi al-Rāzānābī juga lebih terperinci. Ini kerana Ibn Hajar telah memperincikannya dalam kitabnya.

<sup>59</sup> *Ibid.*, j.2, h. 7.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 83.

<sup>61</sup> Al-Sakhawi(1990), *op.cit.*, j.3, h. 87 – 88.

- adalah lebih banyak berbanding biografi tokoh-tokoh seperti para sahabat atau para tabiin sebagaimana dalam contoh di atas.
- ii. Sumber yang digunakan oleh al-Sakhawi. Bagi tokoh-tokoh zaman sebelum, al-Sakhawi bergantung sepenuhnya kepada sumber yang beliau rujuk. Pengetahuan al-Sakhawi tentang seseorang tokoh. Bagi tokoh yang al-Sakhawi kenali secara peribadi maka, unit masa yang digunakan lebih banyak berbanding tokoh yang al-Sakhawi kurang kenali.

Selain dari kelahiran dan kematian, pentarikhan turut digunakan untuk perkara-perkara lain dalam kehidupan seseorang tokoh. Perkara-perkara tersebut adalah seperti;

- i. Tarikh perjalanan. Sebagai contoh, Aḥmad bin Alī al-Sywābiṭi al-Yamani berpindah dari tanah kelahirannya ke Mekah pada tahun 803 H / 1400 M.<sup>62</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Rays tiba di Kaherah pada tahun 895 H / 1489 M.<sup>63</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Rūzabah melawat Damsyik pada tahun 852 H / 1448 M.<sup>64</sup>
- ii. Tarikh pengajian. Sebagai contoh, Abd al-Salām bin Abd al-Salām bin Muḥammad membaca kitab *al-Tanbīh*, *Minhāj al-Uṣalli* dan *Fuṣūl Ibn Mu'ṭāy* kepada al-Syihāb bin al-Nāqib pada tahun 762 H / 1360 H, membaca kitab *al-Anbā' al-Mubīnah fī Faḍl al-Madīnah* kepada Qāsim bin 'Asākir dan al-Badr bin al-Hīthiyāt pada tahun 770 H.<sup>65</sup>
- iii. Tarikh menunaikan haji. Ibn Taqi Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad selesai menunaikan haji pada tahun 866 H / 1462 H.<sup>66</sup>
- iv. Tarikh jatuh sakit. Sebagai contoh Aḥmad bin Muḥammad bin Rūzabah mula jatuh sakit pada 20 Zulqaedah 863 H / 17 September 1459 M yang menghalangnya dari menunaikan haji pada tahun tersebut.<sup>67</sup>
- v. Tarikh memegang jawatan. Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣāghāni mula memegang jawatan qadi di Mekah pada tahun 806 H / 1403 M.<sup>68</sup>

## Kesimpulan

Berdasarkanuraian di atas, metodologi al-Sakhawi dalam penulisan kitab *al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madinah Al-Syarīfah* adalah seperti berikut;

- i. Penulisan kitab *al-Tuhfat* adalah bertujuan menghasilkan satu penulisan yang mampu mengisi ruang-ruang kosong yang ditinggalkan oleh para penulis sejarah Madinah sebelum zaman al-Sakhawi.

<sup>62</sup> Al-Sakhawi (1993), *op.cit.*, j.1, h. 121.

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 134.

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 136.

<sup>65</sup> *Ibid.*, j.2, h. 173.

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 151.

<sup>67</sup> *Ibid.*, j.1, h. 137.

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 146.

- ii. Kitab ini telah disusun mengikut huruf mu'jam atau dinamakan sebagai kaedah *abjadiyyah* bermula huruf alif (‘) sehingga huruf mim (‘).
- iii. Sumber-sumber yang digunakan oleh al-Sakhawi dalam menulis kitab *al-Tuhfat* adalah kitab-kitab sejarah tulisan para sejarawan lain dan observasi langsung beliau dengan tokoh yang diterjemahkannya. Sekiranya berlaku pertembungan di antara dua sumber, sebagai contoh karya sejarah yang ditulis oleh sejarawan dengan manuskrip tulisan tangan tokoh yang diterjemahkan oleh al-Sakhawi, maka al-Sakhawi akan mendahulukan sumber yang lebih kuat, iaitu manuskrip tulisan tangan tokoh tersebut.
- iv. Al-Sakhawi menggunakan 5 unit masa dalam mentarikhkan biografi tokoh-tokoh dalam *al-Tuhfat*. Unit-unit masa ini ialah unit tahun, bulan, haribulan, hari dan masa tertentu dalam hari. Penggunaan unit-unit masa ini adalah bergantung kepada zaman tokoh tersebut hidup dan pengetahuan al-Sakhawi mengenai riwayat hidup tokoh tersebut.

### Rujukan

Al-Sakhawi (1957), *al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madīnat Asy-Syarīfah*, Kaherah: Matba’ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.

\_\_\_\_\_ (1990), *al-Daw’ al-Lami’ li Ahl al-Qarn al-Tasi’*, j.8, Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.

\_\_\_\_\_ (1995), *al-I'lān bi al-Tawbīkh li Man Zamma al-Tārīkh*, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

\_\_\_\_\_ (1993), *al-Tuhfat Al-Laṭīfah Fī Tārīkh Al-Madīnat Asy-Syarīfah*, j.1, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

’Annān, Muhammad Abdullah (1969), *Muarrikhū Miṣr al-Islāmiyyat wa Maṣādir al-Tārīkh Miṣr*, Kaherah : Muassasah Mukhtar Li al-Nasy Wa al-Tawzī’.

al-Bukhari (1991), *al-Tārīkh al-Kabīr*, Beirut: Darul Fikr.

Al-Kattāni, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir (1982), *Fihras al-Fahāris wa al-Ithbāt wa Mu’jam al-Ma’ājim wa al-Mashīkhāt wa al-Musalsalāt*, c. 2, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

al-Razi (1952), *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

al-Zahabi (1963), *Mīzān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, j.1, h. 377, Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiyyah.

Badrūn bin Muhammād (2000), *al-Hāfiḍh al-Sakhawī wa Juhūduhu fi al-Hadīth wa Ulūmihi*, j.1, Riyādh, Maktabah al-Rusyd.

Għiżżei, Najmuddin Muhammād bin Muhammād (1979), *Al-Kawākib al-Sā'irat bi A'yān al-Mi'at al-Āsyirah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 59.

Ibn Ḥajar al-Asqalāni (1903), *Tahzīb al-Tahzīb*, Hyderabad: Majlis Dairat al-Maārif al-Nidhamiyyah al-Kainah.

Ibn Hibban (1982), *al-Thiqāt*, Beirut: Darul Fikr.

Masyhūr bin Ḥasan & Aḥmad al-Syuqayrat (1998), *Mu'allafāt al-Sakhawī*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Syakir Mustafa (1990), *al-Tārīkh al-Arabi wa al-Mu'arrikhūn*, j.3, Beirut: Darul Ilmi lil Malayin.

Wan Kamal Mujani (2010), “Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder” *International Journal of West Asian Studies*, v2 (2).